

21/10/1998

200 hantar bantahan kepada Kedutaan Filipina

KUALA LUMPUR, Selasa - Kira-kira dua ratus orang yang mendakwa sebagai kumpulan Masyarakat Prihatin Malaysia hari ini menghantar memorandum bantahan kepada Kedutaan Filipina di sini berikutan campur tangan Presiden Joseph Estrada dalam isu dalaman Malaysia.

Kumpulan yang turut disertai anggota akar umbi komponen Barisan Nasional, juga mengadakan demonstrasi secara aman di hadapan pintu pagar kedutaan itu kira-kira jam 10.30 pagi dan melaungkan bantahan campur tangan Estrada dalam isu penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Masyarakat Prihatin Malaysia yang terdiri daripada golongan tua, pemuda, wanita dan pelajar membawa sepanduk mengecam Estrada, menyanyikan lagu Barisan Kita dan melaungkan sokongan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Wakil kumpulan itu, yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Titiwangsa, Abdullah Zain, berkata memorandum bantahan tiga muka surat itu disampaikan kepada Duta Filipina, Jose S Brillantes.

Menurutnya, Brillantes dalam perjumpaan selama 20 minit dengan beberapa wakil kumpulan terbabit memberi jaminan akan menyampaikan memorandum bantahan itu kepada Estrada.

Memorandum bantahan itu ditandatangani oleh Abdullah; Setiausaha Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Mohd Husin Anwar; Setiausaha MCA Wilayah Persekutuan, Lim Choon Se; Setiausaha MIC Wilayah Persekutuan, M Saravanan dan Setiausaha Gerakan Wilayah Persekutuan, Ang Chia Liong.

Dalam memorandum itu, kumpulan berkenaan melahirkan kekecewaan dan tidak senang terhadap kenyataan peribadi Estrada mengenai penahanan Anwar.

Estrada turut dituntut supaya meminta maaf berikutan tindakannya mencampuri hal ehwal dalam negara ini.

(END)